

Utusan Malaysia Februari 2017

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	07 Februari 2017	Ladang babi makin 'membesar' di Kuala Langat	Laporan Ketua Audit Negara	3
2.	07 Februari 2017	Pengarah syarikat, pegawai GLC didakwa palsukan tuntutan		8
3.	7 Februari 2017	RM41 juta kompaun tertunggak, MPAJ tawar diskau	Pegawai Komunikasi Korporatnya, Norhayati Ahmad	10
4.	8 Februari 2017	Dasar Angkasa pacu ekonomi		11
5.	11 Februari 2017	Petronas peruntuk RM18j laksana tiga program CSI	Pengerusi Petronas, Tan Sri Sidek Hassan	12
6.	13 Februari 2017	KADA rugi RM11 juta akibat banjir	Ahli Lembaga Pengarah KADA, Datuk Hanafi Mamat	14
7.	13 Februari 2017	Tauke judi beri rasuah RM20,000 sebulan	Pengerusi Gabungan NGO-NGO Malaysia, Datuk Seri Jamal Md. Yunos	15
8.	13 Februari 2017	KDNK sektor pertanian cecah RM110.7b pada 2020	Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Agrobank, Datuk Wan Mohd. Fadzmi Wan Othman	17
9.	14 Februari 2017	Lambakan kakitangan awam perlu dikurangkan	Bekas Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia (MEA), Tan Sri Mohd. Sheriff Mohd Kassim	18
10.	17 Februari 2017	Data BNM bukti ekonomi Malaysia berkembang	Datuk Seri Najib Tun Razak	20
11.	19 Februari 2017	SPRM siasat isu tender pembekalan peralatan gimnastik - Azam	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	21
12.	20 Februari 2017	KBS nafi wujud unsur rasuah	Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Datuk Lokman Hakim Ali	22
13.	20 Februari 2017	SPRM tahan dua pegawai JAIJ disyaki salah guna kuasa	Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias	24
14.	21 Februari 2017	Madinah Ketua Audit Negara baharu	Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa	25
15.	21 Februari 2017	Banjir lumpur bukan berpunca projek Pan Borneo	Syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. (LBU)	27

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
16.	21 Februari 2017	Bekas KSU, anak hadapi tuduhan rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	29
17.	24 Februari 2017	Tubuh SPBT tingkat perkhidmatan	Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Abd. Latif Bandi	30
18.	24 Februari 2017	Kelemahan sistem JAINJ akan dikaji - SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	32

07 Februari 2017

1. Ladang babi makin 'membesar' di Kuala Langat



ANTARA kandang babi yang dibina betul-betul di tepi jalan di salah sebuah kampung di Kuala Langat.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 menunjukkan bahawa Kuala Langat memiliki lebih daripada 132 ladang ternakan babi baik yang beroperasi secara berlesen, maupun tidak berlesen.

Laporan itu sekali gus mengesahkan kebimbangan pelbagai pihak tentang 'kepesatan' aktiviti ternakan babi di daerah itu yang seolah-olah tidak terkawal.

Yang pasti, keadaan itu menyebabkan penduduk kampung di kawasan sekitar daerah berkenaan terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah daripada pencemaran alam sekitar sehingga kualiti hidup.

Untuk melihat situasi terkini masalah yang terus berlarutan tanpa penyelesaian itu, wartawan UTUSAN ONLINE melakukan tinjauan ke beberapa buah kampung terlibat seperti Kampung Tumbuk Darat, Ladang Tumbuk, Batu Untung dan Tanjung Layang.



PEMANDANGAN kawasan pantai di Tanjung Sepat memaparkan keadaan 'nazak' alam sekitar di Kuala Selangor. - UTUSAN ONLINE

KUALA LANGAT 7 Feb. - Jika satu ketika dulu daerah Bukit Pelanduk di Port Dickson, Negeri Sembilan terkenal dengan kegiatan penternakan babi, tidak keterlaluan dikatakan, status tersebut kini dipegang daerah jirannya, Kuala Langat.

'Kepesatan' aktiviti ternakan di daerah ini bukan sahaja menjadi bualan mulut ramai, tetapi dinyatakan secara rasmi di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2.

Berdasarkan pemerhatian Utusan Online, penternakan babi di daerah ini bermula dari sempadan daerah Sepang iaitu di Kampung Tumbuk Darat sehingga ke Tanjung Layang dengan jarak hampir 20 kilometer (km) itu terus diusahakan tanpa mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar mahupun penduduk.

Ladang babi yang dahulunya kecil, kini semakin membesar, sesuai dengan sifat haiwan berkenaan yang cepat membiak. Hal itu juga menjadi faktor mengapa bagaiman cendawan tumbuh selepas hujan, ladang ternakan haiwan berkenaan terus bertambah seolah-olah tanpa sebarang pemantauan serta kawalan.



KEADAAN air parit yang mengalir terus ke laut dari ladang babi di Kuala Langat.

Ketika pada pengusaha ladang babi itu mengaut keuntungan yang mencecah jutaan ringgit, penduduk pula menanggung derita. Mereka terpaksa menanggung akibatnya dengan pencemaran bau busuk yang sangat meloyakan terutama pada waktu pagi dan malam dari kandang babi yang terletak sangat hampir dengan rumah mereka.

Bukan itu sahaja, pengabaian terhadap sistem saliran dari ladang ternakan babi telah mengakibatkan air dari kolam takungan efluen disalurkan secara terus ke parit dan sungai sehingga menyebabkan air berubah menjadi warna hitam, berbau serta tersumbat.

Air tersebut kemudiannya mengalir ke laut sehingga menyebabkan kawasan pantai diselubungi warna kehitaman dan busuk serta paling menyedihkan apabila turut menjelaskan ekosistem di kawasan berkenaan.



Pengerusi Jawatankuasa dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) Kampung Tumbuk Darat, Mohamad Tarmudi Tushiran berkata, penternakan babi telah lama diusahakan di kampung itu namun amat mengecewakan apabila pengusaha mengabaikan aspek penyelenggaraan sehingga menyusahkan penduduk.

Katanya, sistem saliran seperti longkang di sekitar kampung kini telah berubah wajah kepada kehitaman berserta bau busuk yang begitu menangkap urat kepala sesiapa sahaja yang mengunjungi kampung berkenaan.

MOHAMAD TARMUDI TUSHIRAN

Menurut beliau, landskap di kawasan itu juga kini jauh berubah kerana jika dahulunya penduduk kampung boleh membawa anak-anak mereka menangkap ikan dan hidupan laut

di sekitar tali air dan kawasan pantai namun itu semua kini hanya tinggal kenangan.

"Apa lagi yang tinggal di kampung ini. Tiada siapa yang mengawal dan memantau aktiviti penternakan babi yang disifatkan semakin naik 'tocang' dan menaikkan kemarahan orang.

"Siapa yang mahu perjuangkan nasib kami penduduk kampung di sini? Jangan sampai satu hari nanti kampung ini semua tenggelam dan digantikan dengan kandang babi, di mana anak cucu kami hendak tinggal?

"Selain itu, di beberapa kampung lain jumlah kandang babi juga kian bertambah. Dimana tanggungjawab pihak berkuasa untuk memantau aktiviti penternakan babi di kampung-kampung di sini sama ada mereka itu berlesen atau tidak," tegas beliau.

Dalam pada itu, Mohamad Tarmudi berkata, cadangan penternakan babi secara moden yang dicadangkan kerajaan negeri Selangor bukan satu penyelesaian kepada masalah yang melanda penduduk.

Beliau yang pernah ke Jerman bagi melawat sistem ternakan babi moden berkata, di negara berkenaan ladang tersebut diusahakan di satu kawasan yang sangat jauh daripada tempat tinggal kerana mereka memikirkan risiko daripada kegiatan penternakan haiwan itu.

"Ini kerajaan negeri mahu membina ladang ternakan babi moden di Kampung Ladang Tumbuk. Bukan sahaja dekat dengan sekolah, malah begitu hampir dengan penempatan.

"Mengapa mereka tidak bina sahaja kilang tersebut di kawasan yang tiada penduduk? Bukankah itu lebih baik dan menguntungkan semua pihak, saya yakin tindakan kerajaan negeri ini pastinya ada motif tersendiri," katanya.



SALAH sebuah kandang babi yang dibina berhampiran jalan yang menghubungkan rumah penduduk kampung dan jalan besar di Kampung Batu Untung. - UTUSAN ONLINE

Sementara itu, tinjauan UTUSAN ONLINE di beberapa kampung mendapati kebanyakan ladang ternakan babi diusahakan di belakang rumah pengusaha dan ada juga kandang dibina sangat hampir dengan penempatan penduduk.

Di Taman Batu Untung misalnya, terdapat banyak ladang babi dibina di tepi jalan masuk ke kawasan perumahan berkenaan yang dianggarkan sejauh hampir 3km.

Sementara di Ladang Tumbuk, kandang babi berkenaan dibina di sebuah jalan kecil dan terletak betul-betul di belakang Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Tumbuk serta di jalan persekutuan berhampiran Tanjung Sepat.

Ladang ternakan babi juga turut diusahakan di beberapa lorong kecil di sekitar Kampung Endah dengan lokasi penternakan tersebut dilihat sangat hampir dengan beberapa buah hotel dan Rumah Peranginan Persekutuan.

07 Februari 2017

2. Pengarah syarikat, pegawai GLC didakwa palsukan tuntutan

WILLIAM EDMUND SILLA dibawa ke Mahkamah Sesyen Labuan semalam atas dakwaan bersubahat dengan Kok Chung Fui membuat tuntutan palsu. BERNAMA

LABUAN 6 Feb. - Seorang pengarah syarikat pembekal peralatan cari gali berpangkat Datuk dan seorang pegawai Petronas Carigali Sdn. Bhd. dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas 56 pertuduhan berhubung kes tuntutan palsu melibatkan wang berjumlah RM789,360, empat tahun lalu.

Pengarah syarikat CK Oil & Gas Sdn. Bhd., Datuk Kok Chung Fui, 43, didakwa atas 28 pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu manakala Pegawai Penyelaras syarikat milik kerajaan (GLC) tersebut yang beroperasi di sini, William Edmund Silla, 43, pula didakwa dengan 28 pertuduhan bersubahat dengan Chung Fui melakukan perbuatan berkenaan.

Kedua-dua tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap kesemua pertuduhan masing-masing yang didakwa dilakukan di Pejabat Scomi Oiltools Sdn. Bhd., Labuan Integrated Base di sini pada 18 September 2013

Mengikut pertuduhan pertama hingga pertuduhan ke-28, Chung Fui sebagai Pengarah CK Oil & Gas Sdn. Bhd., didakwa telah mengemukakan tuntutan palsu kepada Petronas Carigali Sdn. Bhd. berkaitan pembekalan peralatan berjumlah keseluruhan RM789,360 sedangkan peralatan tersebut tidak dibekalkan.

William pula didakwa bersubahat atas perbuatan tersebut dengan menandatangani dokumen-dokumen berkaitan.

Chung Fui didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 manakala William dituduh di bawah seksyen sama dan dibaca bersama Perenggan 28(1)(b) akta tersebut yang masing-masing membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan-timbalan Pendakwa Raya, Rozanna Abdul Hadi dan Rustam Sanip.

Hakim Abu Bakar Manat membenarkan kedua-dua tertuduh masing-masing diikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin dan pasport diserahkan kepada mahkamah selain mereka perlu melapor diri di Pejabat SPM cawangan Labuan pada awal minggu setiap bulan.

Mahkamah menetapkan 10 April ini untuk sebutan semula kes.

7 Februari 2017

3. RM41 juta kompaun tertunggak, MPAJ tawar diskau



PENGUAT kuasa MPAJ mengeluarkan notis kompaun kepada pesalah lalu lintas di sekitar kawasan Ampang Jaya, Selangor.

KUALA LUMPUR 7 Feb. - Sebanyak 738,449 kompaun kesalahan jalan raya bernilai RM41 juta masih belum dijelaskan pemilik-pemilik kenderaan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sejak 13 tahun lalu. Pegawai Komunikasi Korporatnya, Norhayati Ahmad berkata, daripada jumlah tersebut sebanyak 1,700 pemilik kereta mempunyai tunggakan melebihi 50 kompaun bagi setiap kenderaan yang keseluruhannya berjumlah RM8.5 juta.

"Mereka berpeluang membayar tunggakan kompaun kerana MPAJ kini melaksanakan kempen pengurangan bayaran kompaun tempat letak kereta bermula 1 Februari sehingga 31 Mei ini.

Pengurangan RM30 diberikan kepada kompaun tertunggak, manakala RM10 bagi kompaun yang kurang daripada 14 hari daripada tarikh dikeluarkan.

"Pemilik kenderaan digesa menyelesaikan kompaun dalam tempoh kempen sebelum tindakan lanjut diambil seperti operasi tunda dan kunci tayar kenderaan dengan kompaun tertunggak," katanya dalam kenyataan di sini hari ini

4. Dasar Angkasa pacu ekonomi

PUTRAJAYA 7 Feb. - Majlis Sains Negara (NSC) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bersetuju mewujudkan Dasar Angkasa Negara yang berpotensi meningkatkan pertumbuhan ekonomi strategik.

Penggubalan dasar yang menjadi platform pembangunan teknologi itu membolehkan perancangan dan pembangunan sektor angkasa negara dilaksanakan dengan teratur serta diurus secara lebih cekap.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meletakkan harapan terhadap golongan muda untuk menceburii bidang astronomi dan astrophizik serta membangunkan kedua-dua bidang itu agar setanding dengan negara maju.

"Pada awal tahun ini, kita telah mendengar berita tentang kejayaan luar biasa saintis muda Malaysia dalam bidang penyelidikan saintifik astrophizik iaitu Nur Adlyka Ainul Annuar yang berjaya membongkar kewujudan supermassive black holes (lohong hitam gergasi).

"Besar harapan saya semoga kejayaan ini dapat memberi perangsang dan inspirasi kepada generasi muda serta menyuntik semangat dan motivasi kepada penyelidik fizik dan astronomi tempatan," katanya dalam ucapan pembukaan mesyuarat itu di sini hari ini.

Mesyuarat itu bersetuju menerima pakai Kod Tatalaku Bertanggungjawab Dalam Penyelidikan Malaysia (MCRCR) sebagai kod etika dan sumber rujukan utama bagi semua penyelidik di negara ini.

Najib menegaskan, kod etika berkenaan adalah penting untuk para penyelidik mempertahankan reputasi sesuatu penyelidikan.

Malangnya, kata Perdana Menteri, kerap kedengaran laporan berkaitan salah laku penyelidik seperti menciplak dan memutarbelitkan fakta dalam penyelidikan mereka, justeru perkara seumpama itu perlu dielak dan dibendung.

"MCRCR digubal sebagai kod etika untuk meningkatkan daya saing negara dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi yang akan menjadi rujukan utama dan digunakan oleh pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, universiti dan pemain industri," katanya.

Turut dipersetujui dalam mesyuarat itu adalah pelaksanaan mekanisme rangkaian kolaboratif untuk mewujudkan industri baharu yang berpaksikan bidang sains, teknologi dan inovasi (STI).

11 Februari 2017

5. Petronas peruntuk RM18j laksana tiga program CSI



KETUA Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman (dua dari kanan) menyampaikan sijil kepada wakil Sekolah Menengah Kebangsaan Bongkol Pitas selepas pelancaran program Pelaburan Sosial Korporat Petronas di Sabah, kelmarin. Sekolah berkenaan layak ke peringkat akhir pertandingan Petronas All About Youth 2016 yang akan diadakan di Kuala Lumpur. BERNAMA

KUALA LUMPUR 10 Feb. -Petroliam Nasional Bhd. (Petronas) akan melabur kira-kira RM18 juta dalam tempoh empat tahun akan datang bagi melaksanakan tiga inisiatif pelaburan sosial korporatnya (CSI) di Sabah.

Menurut Petronas, program itu Planting Tomorrow, Food Basket dan Youth Development telah dilancarkan semalam.

"Inisiatif itu akan dilaksanakan dengan kerjasama beberapa organisasi rakan.

"Matlamatnya adalah untuk membantu meningkatkan taraf hidup dalam kalangan masyarakat di beberapa kawasan luar bandar, selain menyokong pembangunan belia Sabah menerusi sukan," jelas syarikat itu dalam kenyataan di sini hari ini.

Pengerusi Petronas, Tan Sri Sidek Hassan berkata, setiap program yang dilaksanakan itu bertujuan untuk sampai kepada kumpulan yang memerlukan serta membantu mereka merealisasikan impian dan potensi meskipun ia seolah-olah tidak dapat dilaksanakan.

"Berdasarkan inspirasi ini, Petronas berusaha gigih untuk melaksanakan program-program sosial mampan dan berkesan, dengan tumpuan kepada masyarakat yang memerlukannya," katanya.

Menurut Petronas, lebih banyak inisiatif juga sedang dirancang termasuk pembinaan Maktab Rendah Sains Mara di Ranau dan dua asrama di sekolah terpilih yang akan dilancarkan lewat tahun ini.

Pada 2011 dan 2016, Petronas melabur RM184.8 juta untuk melaksanakan pelbagai program termasuk RM83 juta untuk pemuliharaan Kanyon Imbak dengan usaha sama Yayasan Sabah, jelasnya

6. KADA rugi RM11 juta akibat banjir

PASIR MAS 12 Feb. - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) terpaksa menganggung kerugian sebanyak RM11 juta kesan banjir yang melanda kawasan selian mereka pada awal Januari lalu.

Ahli Lembaga Pengarah KADA, Datuk Hanafi Mamat berkata, anggaran tersebut melibatkan kerosakan prasarana milik agensi itu dan tanaman petani.

"Kerosakan prasarana kita anggarkan berjumlah RM8 juta dan kemusnahan tanaman milik petani RM3 juta.

"Untuk prasarana kita sedang melakukan kerja-kerja baik pulih, bagi jumlah kerugian petani kita sedang mengumpulkan maklumat secara terperinci daripada golongan itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Penyampaian Zakat Perniagaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kubang Sepat dan Penyerahan Peralatan di Bawah Program Azam Tani di sini hari ini.

Sebanyak 212 golongan asnaf menerima sumbangan zakat membabitkan jumlah RM20,000 dan lapan peserta Azam Tani mendapat bantuan peralatan berjumlah RM60,000.

Mengulas mengenai Program Azam Tani di bawah KADA, Hanafi memberitahu, kebanyakkan para peserta telah berjaya dibebaskan daripada kepompong kemiskinan.

"Rata-rata peserta di bawah program ini mampu memperoleh pendapatan minimum berjumlah RM1,500. Kejayaan ini selaras dengan kehendak kerajaan untuk membantu para peserta bebas daripada kemiskinan tegar.

"KADA berharap para peserta dapat memanfaatkan kemudahan ini sebaik mungkin untuk keluar dari kemiskinan," ujarnya.

13 Februari 2017

7. Tauke judi beri rasuah RM20,000 sebulan

SHAH ALAM 12 Feb. - Percaya atau tidak setiap premis judi haram atau yang berselindung di sebalik lesen hiburan dan keluarga di negeri ini memperuntukkan sekurang-kurangnya RM20,000 sebulan untuk merasuh pihak berkuasa serta ahli politik.

**JAMAL MD YUNOS**

Jika RM20,000 dikhurasukan untuk merasuh bayangkan berapa kadar keuntungan yang diraih oleh pengusaha premis judi haram kerana difahamkan, bagi setiap mesin slot, kebiasaan sindiket telah menetapkan keuntungan pada nisbah 70:30.

Sebab itu hanya tiga bulan diperlukan oleh pengusaha premis judi siber di negeri ini untuk menuai keuntungan atau sekurang-kurangnya mendapat kembali modal permulaan RM500,000 yang dibelanjakan bagi memulakan operasi judi.

Perkara tersebut didekahkan Pengerusi Gabungan NGO-NGO Malaysia, Datuk Seri Jamal Md. Yunos dan menurutnya, jumlah RM20,000 itu adalah kadar minimum kerana jika lebih banyak mesin slot dioperasikan, lebih besar kadar rasuahnya.

"Inilah sebenarnya yang kita sebut kuasa wang di sebalik premis judi di Selangor. Inilah yang menjadikan pengusaha premis judi ini kebal walaupun banyak serbuan dilakukan pihak berkuasa kerana mereka ada kuasa 'membeli'.

"Rantaian rasuah ini pula bermula sebelum lesen diluluskan lagi dan berlarutan sehingga premis judi beroperasi. Saya percaya pihak berkuasa dan ahli politik tahu perkara ini tetapi pasti mereka nafi," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Mingguan Malaysia hari ini membangkitkan persoalan mengenai 'kuasa wang' di sebalik sindiket judi di Selangor, memandangkan premis judi tumbuh ibarat cendawan selepas hujan selain lesen hiburan dan keluarga juga diluluskan tanpa banyak masalah.

Dalam pada itu, Jamal yang sebelum ini berikrar akan memerangi aktiviti judi haram di Selangor memberitahu, tidak mudah untuk pihak berkuasa khususnya polis membersihkan sindiket judi siber kerana terdapatnya penglibatan orang politik.

"Saya mendapat maklumat ada kes lesen hiburan dan keluarga ini terpaksa diluluskan kerana tekanan daripada orang politik dan inilah yang menyukarkan pihak polis kerana lesen berterusan diberikan pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.

13 Februari 2017

8. KDNK sektor pertanian cecah RM110.7 b pada 2020

KUALA LUMPUR 13 Feb. - Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi sektor pertanian dijangka mencecah RM110.7 bilion menjelang tahun 2020 di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Agrobank, Datuk Wan Mohd. Fadzmi Wan Othman berkata, dengan pertambahan penduduk yang dijangka meningkat kepada 50 juta orang menjelang 2050, kerajaan memandang serius terhadap usaha memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

"Penglibatan orang muda dalam sektor pertanian amat digalakkan selain inovasi dan penggunaan teknologi terkini untuk memastikan kelestarian jaminan makanan pada masa hadapan. Jika dirancang dan dilaksanakan dengan baik, kita mampu menghasilkan lebih dalam pengeluaran sekali gus mengurangkan defisitimbangan serta meningkatkan jumlah eksport negara," katanya dalam ucapan pada majlis Dialog Niaga Agrobank (DNA) 2017 di sini hari ini.

14 Februari 2017

9. Lambakan kakitangan awam perlu dikurangkan

KUALA LUMPUR 13 Feb. - Penstrukturkan semula Malaysia Airlines yang menyaksikan pembuangan pekerja seramai 6,000 orang disifatkan dibuat pada waktu yang tepat ketika kedudukan ekonomi kukuh dan kerajaan mampu menyediakan pakej pampasan yang mencukupi.

Bekas Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia (MEA), Tan Sri Mohd. Sheriff Mohd Kassim berkata, walaupun tindakan menyebabkan kerajaan menanggung kos yang tinggi tetapi langkah itu wajar dilaksanakan berdasarkan kemampuan kewangan yang ada.

"Kita tidak perlu menunggu seperti apa yang menimpa Greece apabila berlakunya krisis kewangan.

"Oleh sebab itu, pembuangan pekerja perlu dibuat secara berperingkat-peringkat dengan menawarkan pelbagai insentif berbanding melakukannya secara tiba-tiba (memotong gaji dan pencen) apabila dilanda krisis," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjadi penceramah sesi panel yang membincangkan Evolusi Perkhidmatan Awam di Malaysia - Dahulu, Sekarang dan Akan Datang pada Forum MEA: Tadbir Urus Ekonomi - Tadbir Urus Sektor Awam di sini hari ini.



Mohd. Sheriff

Forum kali ketiga itu diadakan bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kerangka kerja tadbir urus untuk sektor awam.

Mohd. Sheriff yang juga bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan berkata, kerajaan juga perlu mempertimbangkan kemungkinan untuk mengurangkan lambakan kakitangan dalam perkhidmatan awam sekiranya mahu mencapai kadar defisit pada tiga peratus.

"Untuk melaksanakan perkara ini secara berperingkat, Parlimen boleh mewujudkan jawatankuasa untuk memantau prestasi pegawai atasan kerajaan dan memberi mereka keupayaan untuk memberhentikan pegawai-pegawai ini jika gagal memenuhi sasaran yang ditetapkan," katanya.

Setakat ini, Malaysia mempunyai jumlah kakitangan awam berbanding nisbah penduduk yang tertinggi di Asia Pasifik, seramai 1.6 juta orang mewakili 11 peratus daripada tenaga kerja di negara ini.

Malaysia dijangka membelanjakan sebanyak RM76 bilion untuk gaji dan elaun bagi perkhidmatan awam pada tahun ini, dengan RM21 bilion untuk bayaran pencen.

Sementara itu, Presiden MEA, Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob berkata, terdapat beberapa sektor yang memerlukan jumlah pekerja lebih ramai terutama dalam sektor penjagaan kesihatan dan pendidikan.

"Untuk sektor yang perlu dikurangkan ialah kakitangan pentadbiran kerana mempunyai sistem teknologi maklumat yang lebih efisien dan kita juga perlu ke arah kerajaan elektronik pada masa depan," katanya.

17 Februari 2017

10. Data BNM bukti ekonomi Malaysia berkembang

KUALA LUMPUR 16 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, data terbaharu Bank Negara Malaysia (BNM) membuktikan bahawa ekonomi Malaysia terus berkembang dan bukan seperti diuar-uarkan pihak pembangkang seolah-olah negara berada di ambang muflis dan krisis.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan pengumuman bank pusat itu hari ini, ekonomi Malaysia berkembang 4.5 peratus pada suku keempat 2016 selain disokong peningkatan berterusan dalam perbelanjaan sektor swasta yang membawa kepada pertumbuhan keseluruhan sebanyak 4.2 peratus sepanjang tahun lalu.

Malah, pada masa sama, beliau berkata, setakat 31 Januari lalu, rizab negara berjumlah AS\$95 bilion atau RM426 bilion.

"Alhamdulillah, perencanaan kita mengurus tadbir ekonomi negara berdepan cabaran global tahun lalu telah berhasil dan kita akan meneruskan lagi kerja-kerja bagi memastikan ekonomi negara kekal sihat dan pertumbuhan bertambah dari semasa ke semasa," katanya dalam blog NajibRazak.com hari ini.

BNM dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.5 peratus pada suku keempat 2016, disokong oleh peningkatan berterusan perbelanjaan sektor swasta, yang menjurus kepada pertumbuhan 4.2 peratus bagi keseluruhan tahun lalu.

19 Februari 2017

11. SPRM siasat isu tender pembekalan peralatan gimnastik - Azam

KUALA LUMPUR 19 Feb. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menyiasat isu dakwaan tender pembekalan peralatan gimnastik untuk Sukan SEA 2017 yang dipercayai wujud unsur penyelewengan dan salah guna kuasa.



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki berkata, pihaknya juga sedang meneliti maklumat-maklumat berhubung dakwaan berkenaan.

"Pihak saya akan meneliti dan siasat dahulu perkara ini sebelum tindakan selanjutnya diambil," katanya kepada Bernama.

Menurut laporan yang disiarkan semalam, berdasar satu siasatan dalaman yang dijalankan, dipercayai terdapat elemen rasuah dan salah guna kuasa berhubung permohonan dan kelulusan tender tersebut.

Malaysia akan menjadi tuan rumah Sukan SEA buat kali keenam yang berlangsung dari 19 hingga 31 Ogos depan.

Azam Baki

20 Februari 2017

12. KBS nafi wujud unsur rasuah



Zolkeples Embong (kiri) bersama Lokman Hakim Ali (tengah) melawat lokasi pertandingan Sukan SEA di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 19 Feb. - Dakwaan wujud unsur rasuah terhadap tender peralatan sukan gimnastik bagi Sukan SEA 2017 seperti dilaporkan adalah tidak tepat dan juga tidak berasas.

Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Datuk Lokman Hakim Ali meluahkan rasa kecewa terhadap dakwaan yang dikeluarkan tanpa merujuk sumber tepat terlebih dahulu iaitu KBS.

Tambah beliau, pihaknya tidak akan menyembunyikan apa-apa perkara berhubung isu tersebut dan telah menjelaskannya pada 9 Februari lalu melalui satu kenyataan daripada KBS berhubung keputusan agar proses perolehan kesemua peralatan sukan bagi KL Sports City dilaksanakan oleh Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) selaku pemilik venue.

"Dakwaan bahawa PSM sudah mengeluarkan tender sebulan selepas kontraktor membatalkannya adalah tidak benar kerana ia belum dikeluarkan lagi dan akan dikeluarkan pada hujung bulan ini.

"Di sini saya ingin tegaskan bahawa tidak berlaku apa-apa percanggahan selain sudah pun dijelaskan pada 9 Februari lalu," katanya dalam sidang akhbar selepas taklimat Delegasi Ketua Kontinjen Sukan SEA di Auditorium 1 Majlis Sukan Negara (MSN), di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil, hari ini.

Semalam, media tempatan melaporkan terdapat dakwaan wujudnya elemen rasuah dan salah guna kuasa dalam isu tender pembekalan peralatan gimnastik untuk Sukan SEA 2017, melalui satu siasatan dalaman.

Menurut sumber, elemen rasuah dan salah guna kuasa dikesan menerusi permohonan dan kelulusan tender berkenaan.

Sementara itu, KBS dalam satu kenyataan dikeluarkan hari ini turut menafikan dakwaan kononnya wujud ketidakpatuhan syarat apabila penender telah menyatakan jenama diinginkan menerusi Bill Quantity (BQ) dikeluarkan.

"Tender yang dikeluarkan tidak sama sekali menyatakan bahawa hanya jenama tersebut sahaja yang boleh dibekalkan oleh peserta tender tetapi juga jenama lain yang sama standard dengannya, dengan syarat jenama tersebut diiktiraf oleh Persekutuan Gimnastik Antarabangsa (FIG) malah perkara ini tidak bersalah dengan Garis Panduan Penilaian Tender yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

"Tambahan pula, jenama yang disebutkan di dalam BQ adalah jenama peralatan yang digunakan oleh para atlit gimnastik sekarang ini dan berdasarkan pandangan yang diberikan oleh Persatuan Gimnastik Malaysia, pembekalan peralatan baru pada jenama yang sama atau jenama yang sama standard dengannya akan dapat mengurangkan masalah penyesuaian para atlit dengan peralatan baru tersebut," kata kenyataan tersebut.

20 Februari 2017

13. SPRM tahan dua pegawai JAIJ disyaki salah guna kuasa

JOHOR BAHRU 20 Feb. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor hari ini menahan dua pegawai kanan Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) kerana disyaki terlibat dalam rasuah dan salah guna kuasa.



Azmi Alias

Seorang daripadanya ialah Ketua Penolong Pengarah dan seorang lagi Penolong Pegawai Bahagian Undang-Undang Syariah.

Kedua-dua lelaki berusia 55 dan 40 tahun itu ditahan di pejabat SPM Johor kira-kira 4.30 petang ketika hadir untuk memberi keterangan berhubung siasatan dijalankan ke atas mereka.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati kedua-duanya menyalahgunakan kedudukan mereka di bahagian tersebut dengan meluluskan permit penganjuran kursus pra perkahwinan Islam tanpa melalui prosedur.

Pengarah SPM Johor Datuk Azmi Alias yang mengesahkan tangkapan terbabit berkata kedua-dua mereka akan dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru untuk mendapatkan permohonan reman. Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPM 2009, katanya.

21 Februari 2017

14. Madinah Ketua Audit Negara baharu

PUTRAJAYA 20 Feb. - Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad dilantik sebagai Ketua Audit Negara bermula Khamis ini menggantikan Tan Sri Amrin Buang yang tamat tempoh perkhidmatannya lusa.

**Madinah Mohamad**

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, Madinah akan memegang jawatan tersebut untuk tempoh dua tahun sehingga 22 Februari 2019.

"Adalah berdasarkan Fasal (1) Perkara 105 Perlembagaan Persekutuan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja telah memperkenankan pelantikan tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Madinah, 60, berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) Sains Politik dari Universiti Sains Malaysia, Sarjana Sains dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia dan Ijazah Kedoktoran dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia dari Universiti Putra Malaysia.

Beliau merupakan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi selain bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan sebelum bersara wajib pada 3 September tahun lalu.

Dalam pada itu, Ali berkata, kerajaan merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ambrin di atas segala khidmat bakti beliau sepanjang tempoh memegang jawatan Ketua Audit Negara sejak 23 Februari 2006.

Sementara itu, Madinah ketika dihubungi berkata, beliau berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana memberi peluang kepadanya untuk kembali menyumbang kepada negara menerusi pelantikan berkenaan.

"Saya amat bersyukur dengan pelantikan ini. Selepas enam bulan bersara, saya dapat berkhidmat semula kepada negara sebagai Ketua Audit Negara," katanya.

21 Februari 2017

15. Banjir lumpur bukan berpunca projek Pan Borneo



Sebuah jentolak sedang menjalankan kerja pembersihan banjir lumpur di Rumah Panjang Berasap Selan di Sungai Selisut, Tatau, Bintulu kelmarin.

BINTULU 20 Feb. - Syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. (LBU) menjelaskan kejadian banjir lumpur yang menjelaskan enam keluarga di Rumah Panjang Berasap Selan di Sungai Selisut, Tatau di sini kelmarin, sebenarnya bukan berpunca akibat kerja pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo.

Pegawai Perhubungannya, Stephen Kuleh berkata, banjir lumpur itu berpunca daripada kerja pembinaan tapak rumah panjang baru yang dibina oleh syarikat berkenaan untuk penduduk di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Sebenarnya kejadian banjir lumpur yang berlaku di Rumah Panjang Berasap Selan bukanlah kesan daripada kerja pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo.

"Ia berpunca daripada kerja pembinaan tapak rumah panjang baru yang kita buat untuk penduduk rumah panjang berkenaan di bawah program CSR. Pembinaan lebuhraya terbabit belum lagi sampai ke lokasi tersebut," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau mengulas tentang kejadian enam keluarga di Rumah Panjang Berasap Selan terpaksa berpindah ke tempat selamat buat sementara selepas kediaman mereka dimasuki banjir lumpur pada pukul 2.20 pagi, kelmarin.

Laporan awal mendakwa kejadian itu adalah berpunca akibat air lumpur dari tapak pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo yang terletak berhampiran telah memasuki rumah panjang berkenaan.

Mengulas lanjut Stephen berkata, kejadian banjir lumpur itu berlaku selepas hujan berterusan selama tiga hari.

Katanya, hujan tanpa henti telah menyebabkan berlaku runtuhan tanah dari tebing yang menghalang aliran air di parit belakang kampung tersebut sehingga mengakibatkan banjir lumpur.

"Kami telah menghantar jentolak ke tempat kejadian untuk melakukan kerja pembersihan lumpur dan membaik pulih tebing serta parit yang terjejas. Penduduk kini boleh tinggal di kediaman mereka dalam keadaan selamat," ujarnya

21 Februari 2017

16. Bekas KSU, anak hadapi tuduhan rasuah

KUALA LUMPUR 21 Feb. - Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Mohd. Arif Ab. Rahman dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan bersubahat dengan anak sulungnya menerima rasuah berjumlah S\$200,000 dollar Singapura atau kira-kira RM627,789, Ogos tahun lalu.

Anaknya, Ahmad Zukhairi pula didakwa menerima rasuah dalam jumlah yang sama daripada seorang pengarah syarikat pembekalan elektrik pada masa yang sama.

Rasuah tersebut didakwa sebagai upah kepada mereka kerana memberikan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sistem Solar Hidbrid di empat buah pulau terpencil di Sandakan, Sabah bernilai RM57.5 juta.

Kedua-dua tertuduh mengaku tidak bersalah atas pertuduhan masing-masing yang dibacakan secara berasingan dan mereka dibenarkan bebas dengan jaminan RM200,000 berserta seorang penjamin setiap seorang dengan geran tanah sebagai cagaran.

Ahmad Zukhairi akan didakwa atas tiga pertuduhan serupa di Mahkamah Sesyen Shah Alam petang ini.

Menurut laporan akhbar sebelum ini, hasil pemeriksaan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah merampas wang dalam akaun dan tunai, mata wang asing, jongkong emas serta pelbagai barang mewah menjadikan keseluruhan aset yang dirampas dalam kes berkenaan mencecah RM6.5 juta.

24 Februari 2017

17. Tubuh SPBT tingkat perkhidmatan

Seiring saranan kerajaan Pusat, mudahkan kenaikan pangkat



Abd. Latif Bandi (kiri) melihat sijil yang diterima oleh pegawai- pegawai daripada PBT seluruh negeri Johor di Dewan Serbaguna Bangunan Datuk Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar, Johor Bahru, semalam.

ISKANDAR PUTERI 23 Feb. - Kerajaan negeri akan menuju Suruhanjaya Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) dalam usaha meningkatkan pencapaian perkhidmatan penjawat awam di peringkat PBT.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Abd. Latif Bandi berkata, penubuhan SPBT itu adalah seiring dengan saranan kerajaan pusat supata PBT menuju Suruhanjaya berkenaan.

Beliau berkata, kerajaan negeri menggunakan pendekatan sama dalam penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Johor (SPAJ) dan pelaksanaan SPBT masih di peringkat perbincangan.

"Menerusi penubuhan SPBT itu nanti, kita dapat meningkatkan prestasi penjawat awam yang berprestasi tinggi untuk ditempatkan ke PBT yang lebih baik selain memudahkan urusan kenaikan pangkat yang sebelum ini hanya berlaku secara dalaman."

"Pelaksanaan SPBT ini masih dalam perbincangan dan perangkaan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia kerajaan negeri dengan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) serta akan diumumkan oleh Menteri Besar setelah mendapat kelulusan daripada kerajaan Pusat," katanya selepas menyampaikan Sijil Profesional Pengurusan Fasiliti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kepada pegawai PBT di Kota Iskandar, di sini semalam.

Abd. Latif berkata, dengan adanya SPBT, pertukaran kakitangan melibatkan kesemua PBT boleh dilakukan, namun hanya berlaku dalam negeri bagi meningkatkan produktiviti pekerja.

Mengulas penganjuran kursus profesional yang dilaksanakan Permodalan Darul Ta'zim dengan kerjasama UTM, beliau berkata, usaha itu merupakan sebahagian daripada peranan kerajaan negeri dalam meningkatkan tahap profesionalisme penjawat awam.

"Perkara ini bertepatan dengan komitmen kerajaan negeri untuk menghantar pegawai PBT ke mana-mana institusi pengajian tinggi mengikuti kursus profesional dalam bidang berkaitan bagi meningkatkan tahap profesionalisme selain mempersiapkan mereka dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan.

"Kerajaan negeri turut meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi membantu meningkatkan sumber manusia dan melahirkan lebih ramai modal insan berkemahiran ke peringkat lebih tinggi," katanya.

24 Februari 2017

18. Kelemahan sistem JAINJ akan dikaji - SPRM**Azam Baki**

KUALA LUMPUR 24 Feb. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan bekerjasama dengan kerajaan negeri Johor untuk mengkaji kelemahan yang terdapat dalam sistem dan prosedur tatacara pengurusan kewangan dalam Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ).

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki berkata, tindakan itu amat penting bagi memastikan ketirisan dapat dilakukan pada masa akan datang.

"Saya percaya selepas kelemahan sistem dan prosedur dalam jabatan itu dikaji, sekurang-kurangnya dapat menutup ruang serta peluang daripada berlakunya ketidakpatuhan dalam pengurusan kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penahanan empat pegawai JAINJ dan Pejabat Pendidikan Islam Johor Bahru kerana disyaki terlibat dalam rasuah dan salah guna kuasa, baru-baru ini.

Selain itu, Azam juga berharap kerjasama ini akan membuka ruang kepada agensi-agensi lain untuk turut bekerjasama dengan SPRM bagi membendung perbuatan salah guna kuasa dan penyelewengan sekali gus memperkuatkan lagi tatacara kerja dalam agensi atau organisasi mereka.